

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, 17 April, 2019 2:29 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Open Your Eyes Tingkat Keyakinan, Softskill



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

17 APRIL 2019 / 11 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

OPEN YOUR EYES TINGKAT KEYAKINAN, SOFTSKILL



UUM ONLINE: Open Your Eyes yang berlangsung di Kolej Mara Kuala Nerang (KMKN), Kedah berupaya meningkatkan keyakinan dan *softskill* pelajar.

Pengarah Program Open Your Eyes, Siti Nur Lela Izzani Kamsidin berkata, seramai 150 peserta yang terdiri daripada pelajar jurusan perakaunan di KMKN dan 24 mahasiswa Universiti Utara Malaysia yang bertindak sebagai fasilitator.

Jelasnya, program anjuran pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Perakaunan ini di bawah bimbingan penyelarar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Prof Madya Dr. Mardzelah Makhsin dan Dr. Fauziah Md Jaafar.

"Satu inisiatif untuk membantu para pelajar jurusan perakaunan dari Kolej Mara Kuala Nerang dalam melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dan meningkatkan kemahiran *softskill*."

“Bukan itu sahaja, mahasiswa memperoleh pengalaman baharu dalam mengendalikan program supaya berjalan lancar di samping menambah pengetahuan pelajar bukan sahaja dari sudut pembelajaran malah pengetahuan am,” ujarnya.

banyak pengalaman menarik yang diperolehi antaranya berkongsi tentang jurusan Ijazah sarjana muda pendidikan (ISMP) perakaunan UUM serta membina keyakinan diri untuk membuat keputusan memilih bidang pengajian pada masa akan datang.

Sementara itu, Mardzelah berkata, program ini bermatlamat untuk membantu peserta mengenal pasti minat, kebolehan, dan bakat diri sendiri serta memupuk motivasi sendiri dari aspek jasmani, rohani dan intelek.

“Fasilitator memperkenalkan bidang yang boleh diceburi bagi lepasan program perakaunan sekali gus membantu para pelajar jurusan perakaunan KMKM melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi.

“Kita cukup teruja kerana mendapat kerjasama yang baik di samping menimba pengalaman baharu untuk mengendalikan sesuatu organisasi serta meningkatkan kemahiran *softskill* dalam diri mahasiswa UUM,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar KMKM, Salmy Anas Ahmad berbesar hati menerima kunjungan UUM untuk menjalankan program yang menjalin silaturahim antara kedua-dua pihak.

“Acara ini dapat meredakan sedikit tekanan menjelang peperiksaan dan membantu para pelajar menentukan bidang pilihan bagi melanjutkan pelajaran selepas tamat pengajian kelak,” ujarnya.

KMKM antara kolej MARA yang terbaik di Malaysia terutamanya bidang perakaunan dan berharap agar program sebegini dapat diteruskan di mana-mana kolej agar pelajar lebih bersemangat untuk berjaya.

Menurut Nur Syifa Izzaty Roslan, program ini membentuk pelajar pendidikan perakaunan ke arah *outstanding graduates* misalnya pelajar perlu mahir berkomunikasi, berfikir kritis dan kerja berpasukan.

“Menariknya, usaha ini mendidik pelajar berfikir bagaimana mengendalikan program dan mengetahui kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh setiap ahli jawatankuasa bagi menjayakan aktiviti sekali gus menyerlahkan kepimpinan mahasiswa.

“Program ini melatih fasilitator dalam mengendalikan sekumpulan besar pelajar serta kemahiran menyampaikan tugas dengan cekap selain mendedahkan tentang cabaran yang bakal mereka hadapi apabila memasuki alam pekerjaan,” tambahnya.

Antara perkara yang ditimba ialah cara mengendalikan program dengan baik, cara berkomunikasi dengan orang lain dengan cara yang lebih formal, kaedah dalam menyelesaikan masalah.

Di samping itu, mengeratkan hubungan antara para pelajar dan fasilitator dengan mengadakan beberapa aktiviti team building, Balloon Toast, Group Juggle, Radio Rosak dan Kahoot.

Melalui permainan tersebut, fasilitator dapat mengasah *softskill* dan bakat pelajar dari segi cara berkomunikasi supaya dapat bercakap di hadapan orang ramai dengan selesa.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.